

**KAJIAN DIASPORA KEBUDAYAAN  
DAN IDENTITI MASYARAKAT ACEH  
DI YAN KEDAH**

**BUSTAMI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2016**

**KAJIAN DIASPORA KEBUDAYAAN  
DAN IDENTITI MASYARAKAT ACEH  
DI YAN KEDAH**

**oleh**

**BUSTAMI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
Memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos 2016**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, puji dan syukur penulis sampaikan ke hadirat Allah SWT, kerana dengan rahmat dan karunia-Nya penulis telah berjaya memulakan pengajian doktoral di USM sehingga ke tahap akhirnya.

Selawat berikutan salam penulis sampaikan pula kepada junjungan alam Nabi Muhammad SAW, kerana di atas keupayaan beliau manusia telah terbebas daripada masa jahiliyah kepada masa yang berperadaban.

Tesis ini tidak akan berwujud seperti ini tanpa bantuan dari pelbagai pihak, sama ada atas nama peribadi, kumpulan, mahupun pertubuhan. Oleh itu, di awal sekali, saya menyampaikan penghargaan tak bertepi kepada penyelia utama saya, Dr. Shariffah Suraya binti Syed Jamaluddin dan juga kepada penyelia bersama, Prof. Dr. Sivamurugan Pandian. Kedua-dua beliau telah banyak memberi dorongan, nasihat, bimbingan, dan tunjuk ajar kepada penulis dalam menyelesaikan pengajian ini, utamanya dalam penyelidikan dan penulisan tesis.

Seterusnya, ucapan terima kasih juga penulis sampaikan kepada Rektor Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry Banda Aceh, yang telah memberi kebenaran kepada penulis meninggalkan tugas bagi meneruskan pengajian ini. Penghargaan juga penulis rakamkan kepada Pusat Pengajian Sosial Kemasyarakatan USM di atas segala kemudahan yang diberikan kepada penulis selama menempuh pengajian.

Rakaman penghargaan juga penulis sampaikan kepada para informan yang terlibat dalam penyelidikan. Begitu pula kepada masyarakat Kampung Acheh, Yan yang telah menerima penulis seperti warga kampung sendiri. Semenjak penyelidikan dijalankan sehingga berakhir, penulis merasa telah memiliki satu kampung lagi yang mesti dikunjungi dalam masa-masa senggang.

Selanjutnya, terima kasih pula penulis sampaikan kepada seluruh saudara, kerabat, dan kawan-kawan yang telah banyak membantu penulis selama menempuh pengajian. Khas kepada kawan-kawan yang terhimpun dalam pertubuhan *Acehnese Student Committee* (ASC) Pulau Pinang, sekalung penghargaan penulis sampaikan. Mereka adalah kawan-kawan seperjuangan yang bertungkus lumus di negeri orang demi meraih cita-cita.

Penulis persembahkan tesis ini sebagai wujud bakti kepada kedua-dua orangtua penulis, iaitu ayahanda tercinta, almarhum Abu Bakar dan ibunda tersayang, almarhumah Aminah. Kasih sayang, doa, dan nasihat daripada kedua-dua beliau semasa masih hidup dahulu telah menjadi pelita yang menerangi jalan hidup penulis.

Akhirnya, ucapan terima kasih yang istimewa penulis sampaikan kepada isteri tercinta, Malahayati dan anak-anak tercinta, Meutuah, Ikram, Atqa, dan Saif, di atas segala kesabaran, dorongan, dan doa kepada penulis. Sebagai seorang suami dan ayah, banyak masa dengan keluarga yang harus penulis “curi” demi menyelesaikan pengajian ini.

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>PENGHARGAAN</b> .....	ii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b> .....	iv
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	viii
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	ix
<b>SENARAI PETA</b> .....	x
<b>SENARAI GAMBAR</b> .....	xi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	xiv
<b>ABSTRAK</b> .....	xv
<b>ABSTRACT</b> .....	xvii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Pernyataan Masalah .....	3
1.3 Persoalan Kajian.....	5
1.4 Objektif Kajian.....	5
1.5 Batasan Kajian .....	5
1.6 Signifikan Kajian .....	6
1.7.Sorotan Karya .....	7
1.8 Kerangka Konseptual .....	10
1.8.1 Diaspora .....	10
1.8.2 Kebudayaan .....	17
1.8.2.(a) Pengertian dan wujud kebudayaan .....	18
1.8.2.(b) Karakteristik kebudayaan .....	19
1.8.2.(b).(i) Kebudayaan ialah milik bersama .....	19
1.8.2.(b).(ii) Kebudayaan ialah hasil belajar .....	19
1.8.2.(b).(iii) Kebudayaan diasaskan pada lambang .....	20
1.9 Kerangka Teori .....	20
1.10 Kaedah Penyelidikan .....	28

1.10.1 Lokasi Penyelidikan .....	30
1.10.2 Informan .....	32
1.10.3 Teknik Pengumpulan Data .....	33
1.10.4 Analisis Data .....	39
1.11 Pembahagian Bab .....	40

## **BAB 2 SEJARAH SOSIAL DAN POLA MIGRASI MASYARAKAT**

### **ACEH KE YAN**

2.1 Pengenalan .....	41
2.2 Aceh dalam Masa Kegemilangan .....	42
2.3 Orang Aceh di Pulau Pinang .....	46
2.4 Kedatangan Orang Aceh di Kedah .....	49
2.5 Motif Migrasi .....	57
2.5.1 <i>Meudagang</i> .....	59
2.5.2 <i>Meuniaga</i> .....	65
2.6 Rumusan .....	71

## **BAB 3 KEHIDUPAN AWAL ETNIK ACEH DI KAMPUNG ACHEH**

3.1 Pengenalan .....	73
3.2 Lokasi Kampung Aceh .....	73
3.3 Penduduk Kampung Aceh .....	75
3.4 Asal-usul Kampung Aceh .....	76
3.5 Pendidikan Agama di Kampung Aceh .....	81
3.5.1 Madrasah al-Irsyadiyah al-Diniyah .....	82
3.5.2 Sekolah Agama al-Tarbiyah al-Auladiyah al-Diniyah .....	87
3.5.3 Maktab Mahmud .....	93
3.6 Perubahan Pola Pendidikan .....	97
3.7 Pembahagian Generasi .....	98
3.7.1 Generasi Pertama .....	99
3.7.2 Generasi Kedua .....	101
3.7.3 Generasi Ketiga .....	104
3.7.3.(a) Tan Sri Dato' Hanafiah Husin .....	105
3.7.3.(b) Tan Sri Dato' Sanusi Junid .....	106

3.7.3.(c) Dato' Dr. Abdullah Hasbi .....	108
3.7.3.(d) Tan Sri Dato' Paduka Hj. Badruddin Amiruldin .....	109
3.7.4 Generasi Keempat .....	110
3.7.5 Generasi Kelima .....	110
3.8 Rumusan .....	110

## **BAB 4 KEHIDUPAN HARIAN MASYARAKAT KAMPUNG ACHEH PADA MASA KINI**

4.1 Pengenalan .....	112
4.2 Pendidikan.....	112
4.3 Kehidupan Beragama .....	117
4.4 Adat-istiadat .....	123
4.4.1 Adat Perkahwinan .....	124
4.4.2 <i>Peutron Aneuk</i> .....	124
4.4.3 <i>Uroe Asyura</i> .....	126
4.5 Kesenian .....	127
4.6 Bahasa .....	130
4.6.1 Warisan Bahasa Aceh .....	134
4.6.2 Bahasa Identiti .....	138
4.6.3 Dialek .....	141
4.7 Menu Makanan .....	142
4.7.1 <i>Kuah Pliek U</i> .....	144
4.7.2 <i>Keumamah</i> .....	146
4.7.3 <i>Sie Reuboh dan Sie Balu</i> .....	147
4.7.4 Kueh Tradisi .....	148
4.8 Aktiviti Ekonomi .....	151
4.8.1 Koperasi Sabena .....	156
4.8.2 KAMC .....	159
4.9 Rumusan .....	164

## **BAB 5 DI ANTARA DUA IDENTITI**

5.1 Pengenalan .....	166
5.2 Bangga Menjadi Orang Aceh .....	166

5.3 Usaha Mengekalkan Identiti Aceh .....	173
5.3.1 Berkahwin dengan Sesama Orang Aceh .....	173
5.3.2 Menulis Nama Tempat Berasas Bahasa atau Tokoh Aceh ..	177
5.3.3 Memakai Istilah Aceh dalam Sistem Persaudaraan .....	179
5.3.4 Mengutip Benda-benda dari Aceh .....	181
5.3.5 Melakukan Kunjungan ke Negeri Aceh .....	183
5.4 Hubungan dengan Masyarakat Melayu .....	187
5.5 Sumbangan Komuniti Diaspora kepada Aceh .....	192
5.6 Rumusan.....	200
<b>BAB 6 KESIMPULAN</b>	
6.1 Pengenalan .....	201
6.2 Rumusan Dapatan Kajian .....	201
6.3 Cadangan Penyelidikan .....	206
<b>SENARAI RUJUKAN</b> .....	208
<b>LAMPIRAN</b> .....	219



## SENARAI JADUAL

### Muka surat

Jadual 3.1 Pecahan Keluasan Mukim dan Kepulauan di Daerah Yan .....	74
Jadual 3.2 Kumpulan Penduduk Kampung Aceh Mengikut Umur.....	75
Jadual 3.3 Kumpulan Penduduk Kampung Aceh Mengikut Pekerjaan/Pendidikan .....	76
Jadual 5.1 Keluarga Penduduk Kampung Aceh Mengikut kepada Etnik .....	191

## SENARAI RAJAH

### Muka surat

Rajah 1.1 Proses penyesuaian budaya .....	22
---	----

## SENARAI PETA

### Muka surat

Peta 3.1 Peta Kampung Aceh .....	75
----------------------------------	----

## SENARAI GAMBAR

	<b>Muka surat</b>
Gambar 2.1 Kompleks Makam Syekh Umar dan Generasi Awal .....	55
Gambar 2.2 Bangunan <i>Rangkang</i> pada Salah Satu Dayah di Aceh.....	62
Gambar 2.3 Bekas Rumah Sayid Hussein al-Aidid yang Telah Menjadi Muzium Islam Pulau Pinang di Kawasan Lebuh Aceh	68
Gambar 2.4 Mesjid Melayu (Jamek) Lebuh Aceh Pulau Pinang.....	69
Gambar 3.1. Bekas Bangunan <i>Meunasah</i> Tempat Syekh Umar Mengajar al-Quran dan Ilmu Agama Islam .....	79
Gambar 3.2 <i>Meunasah</i> Kampung Aceh .....	86
Gambar 3.3 <i>Rangkang</i> Tempat Tinggal Para Pelajar <i>Madrasah al-Irsyadiyah al-Diniyah</i> .....	87
Gambar 3.4 Papan Nama Sekolah Agama <i>al-Tarbiyah al-Auladiyah al-Diniyah</i> .....	89
Gambar 3.5 Naskhah Asal Peraturan Sekolah Agama <i>al-Tarbiyah al-Auladiya hal-Diniyah</i> .....	91
Gambar 3.6 Maktab Mahmud cawangan Alor Setar yang terletak di Kampung Aceh .....	96
Gambar 3.7 Penduduk Kampung Aceh generasi kedua bergambar di hadapan <i>Madrasah al-Irsyadiyah</i> .....	101
Gambar 3.8 Bekas rumah Abu Madhan di Kampung Aceh.....	103
Gambar 3.9 Penduduk Kampung Aceh Generasi Ketiga dan Keempat Bergambar di Hadapan <i>Meunasah al-Irsyadiyah</i> .....	104
Gambar 4.1 Beberapa orang warga emas penduduk Kampung Aceh terlibat dalam suatu perbualan di sebuah kedai di Kampung Aceh .....	117
Gambar 4.2 Penduduk Kampung Aceh berbuka puasa di <i>meunasah</i> .....	121
Gambar 4.3 Wirid Yasin di <i>Meunasah al-Irsyadiyah</i> .....	122
Gambar 4.4 Pokok Belimbing Buluh .....	143
Gambar 4.5 Belimbing Buluh yang Dijemur untuk Dijadikan <i>Asam Sunti</i> ....	144

Gambar 4.6 Kueh Bhoi .....	149
Gambar 4.7 Kueh Keukarah.....	150
Gambar 4.8 Kueh Seupet .....	151
Gambar 4.9. Pejabat Koperasi Sabena Kampung Aceh.....	157
Gambar 4.10 Suasana Mesyuarat AJK Koperasi Sabena Kampung Aceh ...	159
Gambar 4.11. Jalan tar dalam kompleks Kem KAMC .....	162
Gambar 5.1 Salah Satu Nama Jalan di Kampung Aceh.....	178
Gambar 5.2 <i>Kupiah Meukutob</i> .....	182
Gambar 5.3 Rombongan Kampung Aceh Melawat ke Negeri Aceh.....	174
Gambar 5.4 Tan Sri Sanusi Junid sedang memberikan maklumat kepada penyelidik .....	196

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>Muka surat</b>
Lampiran 1. Senarai Soalan Panduan Temubual .....	219
Lampiran 2. Profil Ringkas Informan .....	220
Lampiran 3. Jadual Bahasa Aceh .....	224

## SENARAI SINGKATAN

ASC	: Acehese Student Committee
FAMA	: Federal Agricultural Marketing Authority
FELDA	: Federal Land Development Authority
IAIN	: Institut Agama Islam Negeri
IIUM	: International Islamic University Malaysia
IMAM	: Ikatan Masyarakat Aceh Malaysia
ISSP	: Ibrahim School Sungai Petani
JKKK	: Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
KAMC	: Kampung Aceh Management Center
MAYC	: Malaysian Association of Youth Club
UMNO	: United Malays National Organisation
UIN	: Universitas Islam Negeri
Unsyiah	: Universitas Syiah Kuala

**KAJIAN DIASPORA KEBUDAYAAN DAN IDENTITI  
MASYARAKAT ACEH DI YAN KEDAH**

**ABSTRAK**

Tesis ini merupakan satu kajian mengenai diaspora komuniti Aceh di Kampung Aceh, Yan, Kedah. Komuniti diaspora ini bermula sejak penghijrahan orang Aceh apabila Negeri Aceh diserang oleh Belanda. Kajian ini berasaskan kaedah etnografi yang telah dijalankan selama 6 (enam) bulan di Kampung Aceh, Yan Kedah. Teknik utama yang dipakai dalam pengumpulan data ialah pemerhatian ikut serta dan temubual mendalam dengan informan utama. Penentuan informan dilakukan dengan menggunakan teknik *purposive sampling*, yang bermakna memilih ahli populasi tertentu sahaja untuk dijadikan sampel. Informan terdiri daripada tokoh-tokoh dan ahli masyarakat Aceh yang berasal dari Yan, serta ahli masyarakat bukan Aceh yang bermastautin di Yan. Penyelidikan ini telah berjaya memperolehi beberapa hasil sebagai berikut. Pertama, rasa cinta kepada Negeri Aceh, Indonesia dan rasa bangga menjadi etnik Aceh masih lagi kukuh tertanam dalam jiwa komuniti Aceh di Kampung Aceh Kedah sehingga kini. Bahkan, mereka menyatakan diri sebagai orang Aceh dalam pergaulan harian. Bagi mereka, Negeri Aceh adalah sebuah negeri yang telah melahirkan banyak ulama dan wira. Justeru, menjadi orang Aceh bermakna menjadi seorang Muslim yang sentiasa harus berucap dan berperilaku mengikut kepada ajaran Islam. Kedua, bagi menjamin kelestarian dan kekekalan identiti dan budaya Aceh dalam kehidupan mereka, penduduk Kampung Aceh melakukan berbagai keupayaan, seperti tetap kukuh menggunakan Bahasa Aceh sebagai bahasa percakapan harian antara mereka. Bahasa Aceh pula digunakan dalam ucapan pada aktiviti rasmi dalaman, seperti mesyuarat, majlis penyambutan



dan jamuan tetamu, dan lain-lagi aktiviti. Selain itu, masyarakat Kampung Aceh pula sentiasa memasak makanan dengan menu Aceh, sama ada dalam masakan harian mahupun dalam masakan perayaan, seperti majlis perkahwinan, hari raya, dan lain lagi. Usaha lain yang dilakukan ialah berkahwin dengan sesama orang Aceh, mengekalkan nama-nama tokoh Aceh tempatan sebagai nama-nama bangunan dan nama jalan, menggunakan panggilan khas Aceh dalam sistem persaudaraan mereka, gemar mengutip pelbagai benda dari Aceh, sama ada berupa buah tangan, asesoris, makanan, pemakaian, mahupun buku-buku, dan melakukan kunjungan atau lawatan ke negeri Aceh, sama ada secara berkumpulan mahupun bersendirian. Ketiga, komuniti Aceh pula berupaya menjalin hubungan harmonis dengan masyarakat Melayu tempatan, antaranya melalui perkahwinan. Dalam sebuah keluarga campuran Aceh dan Melayu, sekatan dan perbezaan budaya, utamanya aspek bahasa dan menu makanan tidak lagi kelihatan. Setiap budaya daripada kedua-kedua kumpulan ini tampak berada pada taraf yang sama.

**A STUDY OF IDENTITY AND CULTURAL DIASPORA  
ON ACEHNESE COMMUNITY IN YAN KEDAH**

**ABSTRACT**

This thesis is a study on diaspora of Aceh community in Kampung Aceh, Yan Kedah. This diaspora community established since the migration of Aceh people when the Aceh Sultanate was attacked by Netherlands. The study based on ethnography methods that have been carried out for six months in Kampung Aceh, Yan Kedah. The techniques used in covering the data were participant observer and in-depth interview with key informants. The informants were determined by using purposive sampling, selecting the certain population only as the samples. The informants were the Acehnese important people and other Acehnese people from Kampung Aceh, and the non-Acehnese people living in Yan. The results of this research were as follows, first, The Acehnese community in Kampung Aceh still loved their homeland, Aceh, Indonesia and proud of being Acehnese ethnic strongly in their soul. More than that, they claimed themselves as Acehnese people in their daily life. For them, Aceh was a homeland that had produced so many ulamas and heroes. That is why, becoming Acehnese people means being the Muslims who always have to talk and behave based on Islamic teaching. Second, to ensure the sustainability and the strength of Acehnese identity and culture in their life, the people of Kampung Aceh do various efforts, such as keeping speaking Acehnese language in their daily life. Acehnese language is also used in any internal activities, such as discussions, welcoming guests, etc. In addition, they usually cook Acehnese traditional foods, either for their daily life or celebrations, such as in weddings, Idul fitri, Idul Adha, and so forth. The other efforts done are those getting married with

Acehnese people; naming places, streets, and buildings with the local Acehnese heroes' names; using special Acehnese terms in calling people in their kinship; loving to collect all Acehnese things, such as handicrafts, accessories, foods, clothes, and books; and visiting Aceh either together with their families or friends or alone. Third, the Acehnese community kept doing the efforts on having harmonic relationship with the local Malay community, one of them is getting married with local Malay people. In a mixing Aceh-Malay family, restrictions and differences in both cultures are not shown up again, especially in foods and language aspects. Both cultures of theirs are equals.

# **BAB SATU**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Kajian mengenai isu diaspora terus meningkat dari masa ke masa. Hal ini berlaku bukan hanya kerana pertumbuhan komuniti diaspora yang semakin meningkat akibat gelombang migrasi di seluruh dunia, tetapi ianya disebabkan pula oleh peranan yang dimainkan oleh komuniti diaspora tersebut (Missbach, 2012), sama ada ke atas negeri asal mahupun terhadap negara yang mereka diami.

Migrasi menjadi unsur paling penting dalam pembentukan diaspora. Maksudnya, pembentukan diaspora boleh berlaku melalui migrasi yang rutin, beransur-ansur, dan mantap yang mungkin boleh menjadi pilihan atau strategi bagi sebahagian masyarakat dan isi rumah. Ia boleh pula disebabkan oleh paksaan, malapetaka, pengusiran atau lain-lain pergerakan secara paksa yang disebabkan oleh konflik atau penganiayaan. Penyebaran manusia boleh pula berlaku sebagai akibat daripada kombinasi paksaan dan pilihan atau sebagai akibat daripada gabungan suatu proses dan krisis kumulatif (Hear, 1998).

Diaspora masyarakat Aceh di Yan Kedah yang menjadi topik utama dalam kajian ini bermula daripada migrasi terpaksa. Ia berlaku disebabkan oleh serangan Belanda ke atas Kerajaan Aceh.<sup>1</sup> Oleh itu, sebahagian ahli masyarakat terpaksa bermigrasi ke Malaysia dan lain-lain negeri. Setelah bermigrasi dalam masa yang

---

<sup>1</sup> Kerajaan Belanda mengeluarkan ultimatum perang ke atas Kerajaan Aceh pada tarikh 26 Mac 1873. Sejak itu, rakyat Aceh terbabit perang secara berterusan melawan Belanda sehingga ke tahun 1912 (Alfian, 1999; Syamsuddin, 1980). Perang Aceh-Belanda merupakan perang yang paling lama dalam sejarah pendudukan Belanda di Nusantara. Perang ini telah melahirkan ramai wira daripada Negeri Aceh, antaranya: Teuku Umar, Cut Nyak Dhien, Cut Mutia, Pocut Baren, Tgk. Chik di Tiro, dan masih ramai lagi. Kisah perang Aceh- Belanda telah banyak ditulis, antaranya oleh Alfian (1987; 1999) dan Veer (1985). Sebuah buku berisi liputan perang telah ditulis pula oleh seorang wartawan Belanda, Zentgraf (1983).

cukup panjang, sebahagian daripada mereka kembali ke Aceh, namun sebahagian yang lain memilih untuk bermastautin di Yan Kedah dan negeri-negeri yang lain.

Orang Aceh yang datang ke Kedah kemudian membentuk sebuah komuniti tersendiri. Mereka bermastautin di sebuah kawasan yang diberi nama Kampung Aceh. Kampung ini terletak di wilayah Yan Kedah. Mereka yang menetap ini telah melahirkan beberapa generasi dan memiliki status sebagai warganegara Malaysia. Mereka inilah yang akan menjadi objek kajian dalam tesis ini. Permasalahannya ialah, bolehkah komuniti keturunan Aceh yang telah menjadi warganegara Malaysia dinamakan sebagai diaspora Aceh?

William Safran (1999) menyatakan bahawa kumpulan diaspora lebih selesa menganggap diri mereka sebagai pengembara atau pendatang sementara berbanding disebut orang yang bermastautin. Walaupun mereka telah menetap di negara lain dalam masa yang lama, mereka tetap tidak mahu berasimilasi dengan masyarakat negara penerima (Safran, 1999). Menurut beliau, perkara inilah yang boleh membezakan kumpulan diaspora dengan imigran. Kumpulan diaspora tidak mahu meninggalkan budaya mereka (Missbach, 2012).

Jika pandangan Safran digunakan untuk menganalisis komuniti Aceh di Yan Kedah, maka akan ditemui perkara-perkara yang boleh menimbulkan paradoks. Paradoks pertama adalah orang Aceh yang ada di Yan sekarang telah menjadi penduduk tetap bahkan telah menjadi warganegara Malaysia. Mereka juga telah melakukan penyesuaian budaya dengan masyarakat tempatan. Paradoks kedua dapat berlaku apabila mereka telah menjadi warganegara Malaysia, namun mereka tidak mahu pula meninggalkan budaya negeri tanah kelahiran mereka.

Permasalahan ini bukanlah perkara yang mudah meskipun tidak pula hal yang sulit untuk dihuraikan. Patut diakui bahawa perkembangan konsep diaspora masih

berada di belakang daripada kes-kes diaspora yang telah berlaku. Ini bermakna bahawa teori-teori mengenai diaspora masih dianggap belum dapat menjelaskan semua kes diaspora yang berlaku. Missbach (2012) menyatakan: “Perdebatan-perdebatan mengenai diaspora kini masih kekurangan teori-teori yang otoritatif.”

Berkaitan dengan diaspora orang Aceh di Yan, patut dinyatakan pula bahawa sejak awal kedatangannya hingga kini, orang Aceh yang berada di Yan, terutama yang bermastautin di Kampung Aceh, hidup dengan menggunakan identiti diri sebagai orang Aceh. Identiti diri sebagai orang Aceh dapat dilihat melalui penggunaan bahasa Aceh sebagai bahasa percakapan harian di antara mereka. Selain itu, adat-istiadat yang diamalkan, makanan, dan sebutan dalam sistem persaudaraan, masih lagi sama seperti orang Aceh yang ada di negeri Aceh.

Perkara ini menarik dan penting untuk dikaji secara lebih mendalam, kerana mereka telah bermastautin di Yan dalam masa yang cukup lama, bahkan sudah melahirkan beberapa generasi. Impak daripada perkara ini ialah wujudnya pencampuran kebudayaan antara masyarakat Aceh sebagai pendatang dengan masyarakat tempatan.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Malaysia ialah sebuah negara yang terdiri daripada lebih 200 etnik. Kumpulan etnik terbesar ialah Melayu, Kadazan-Dusun, Banjar, Bidayuh, Iban, Cina, dan India (Azizi, Nor, & Lee, 2006). Semua etnik itu kemudian dijadikan tiga kumpulan etnik sahaja, iaitu Melayu, Cina, dan India. Antara etnik-etnik yang besar itu, etnik Melayu merupakan yang terbesar, iaitu mencapai 57% daripada keseluruhan penduduk (Chiu, 2000a). Oleh itu, Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk, sama ada daripada aspek etnik mahupun

budaya. Ciri utama masyarakat majmuk ialah terdiri atas pelbagai budaya dan suku serta dibatasi oleh adat-istadat setempat. Hal ini menyebabkan masyarakatnya relatif lebih sensitif ke atas persekitaran mereka, agar dapat menjaga dan membina stabiliti sosial dalam kehidupan bermasyarakat (Usman, 2003).

Antara faktor yang membolehkan kemajmukan etnik di Malaysia ialah migrasi sesuatu etnik dari luar negara. Komuniti Aceh merupakan antara etnik luar yang berhijrah ke Malaysia. Salah sebuah wilayah yang dihuni oleh etnik Aceh ialah di Yan Kedah. Mereka bermastautin di sana sehinggalah hari ini. Dalam konteks pengamalan identiti budaya di wilayah tempatan, etnik Aceh di Yan masih berpegang kepada budaya daerah asalnya (Ibrahim, 2011; Zakaria, 1980).

Walaupun begitu, fakta menunjukkan bahawa masyarakat keturunan Aceh di Yan dapat hidup secara harmonis dengan masyarakat tempatan. Bahkan, mereka berjaya menjadi tokoh-tokoh penting di Malaysia di dalam pelbagai bidang (Hasan, 2011). Oleh itu, satu perkara penting yang perlu dinyatakan bahawa walaupun orang yang berketurunan Aceh telah menjadi warganegara bahkan sebahagiannya telah berjaya menjadi tokoh-tokoh penting di Malaysia, namun mereka masih lagi mengamalkan dan mengekalkan budaya Aceh dalam kehidupan harian mereka sebagai warisan daripada para leluhur (generasi terdahulu).

Penyelidikan ini mengenai proses penyesuaian kebudayaan di antara penghijrah dengan penduduk tempatan. Oleh itu, penyelidikan ini mengkaji keupayaan orang Aceh di Yan dalam melakukan penyesuaian kebudayaan mereka dengan kebudayaan tempatan, sehinggakan membolehkan kebudayaan mereka diterima sebagai sebahagian daripada kebudayaan tempatan. Selain daripada itu, sistem kehidupan sosial yang diamalkan masyarakat Aceh di Yan turut diselidiki,

untuk mengenal pasti kecenderungan yang membolehkan orang Aceh di Yan menjadi tokoh-tokoh penting di Malaysia.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan huraian di atas, maka persoalan kajian ini ialah:

1. Bagaimana pandangan orang Aceh di Yan terhadap negeri dan budaya Aceh?
2. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh orang Aceh di Yan untuk mengekalkan identiti sosial-budaya mereka sebagai orang Aceh?
3. Apakah tindakan yang diamalkan oleh orang Aceh di Yan agar dapat diterima sebagai ahli masyarakat tempatan?

### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti pandangan orang Aceh di Yan terhadap negeri dan budaya Aceh
2. Untuk mendalami usaha-usaha yang dilakukan oleh etnik Aceh di Yan dalam mengekalkan identiti sosial-budaya mereka sebagai orang Aceh
3. Untuk menganalisis tindakan yang diamalkan oleh orang Aceh di Yan agar diterima sebagai ahli masyarakat tempatan

### **1.5 Batasan Kajian**

Penyelidikan ini mengkaji mengenai diaspora. Oleh itu, penyelidikan tertumpu kepada faktor-faktor yang berkait dengan konsep diaspora, seperti sejarah migrasi, kehidupan penghijrah di daerah tempatan, dan penyesuaian kebudayaan



yang diamalkan. Penyelidikan dilakukan ke atas etnik Aceh yang masih lagi bermastautin di Yan, Kedah atau orang Aceh yang berasal dari Yan tetapi telah bertebaran ke pelbagai tempat di Malaysia. Untuk memperolehi data yang maksimum dalam tempoh masa kajian yang terhad, wilayah penyelidikan diperkecilkan, iaitu hanya di Yan, Kedah. Penyelidikan dilakukan ke atas etnik Aceh yang bermastautin di sana.

### **1.6 Signifikan Kajian**

Hasil dari penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan ke atas pengembangan pengetahuan, sama ada yang bersifat teoritis mahupun bersifat praktis, terutama dalam disiplin antropologi/sosiologi. Antaranya:

1. Memberikan sumbangan pengetahuan bagi pengembangan ilmu sosial, khasnya bidang antropologi/sosiologi. Hasil dari penyelidikan ini diharapkan boleh digunakan oleh pelbagai pihak, terutama para sarjana dan penyelidik bidang sosial-budaya dalam memperkaya khazanah pengetahuan mereka mengenai isu-isu migrasi dan diaspora, tidak ketinggalan mengenai kebudayaan etnik Aceh.
2. Memberikan sumbangan kepada pembuktian atau pengembangan teori. Penyelidikan ini lebih bertumpu kepada pengembangan teori-teori yang telah dikembangkan oleh para penyelidik dan sarjana ilmu-ilmu sosial untuk mengamati dan menganalisis kebudayaan sesuatu masyarakat berasaskan perspektif si pelaku budaya.
3. Memperluas pemahaman tentang perilaku dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat etnik Aceh di perantauan, terutama di kawasan Yan Kedah, yang mungkin berbeza dengan etnik Aceh yang berada di tempat lain. Secara lebih terperinci, penyelidikan ini menjadi alat untuk memahami dan mengetahui

dengan lebih mendalam mengenai pola kehidupan etnik Aceh di Yan Kedah serta sumbangan mereka bagi masyarakat sekitar dan negara Malaysia amnya.

### **1.7 Sorotan Karya**

Sebagaimana fenomena am yang berlaku pada banyak negara lain di dunia, Malaysia juga telah didatangi oleh para penghijrah antarabangsa. Perkara ini telah mendorong para sarjana dan penyelidik untuk melakukan kajian ke atas para penghijrah dalam pelbagai aspek atau perspektif. Antaranya ialah migrasi bangsa Arab dan peranan mereka dalam penyebaran ajaran Islam di Malaysia. Justeru, sebuah seminar telah dijalankan di Alor Setar, Kedah pada tarikh 5-7 Mac 2011 dengan tajuk “Diaspora Arab Nusantara: Peranan dan Sumbangan”. Beberapa kertas kerja telah dibentangkan, antaranya ada yang khas mengenai kewujudan dan diaspora bangsa Arab di Malaysia, seperti artikel “Peranan orang Arab di Kedah” (N. Lee, 2011); “Sumbangan orang Arab dalam bidang ekonomi di Kedah” (Z. D. Z. Rashid, 2011); “Sumbangan orang Arab dalam pentadbiran Malaysia” (Ghazali, 2011); dan “Perniagaan dan kepimpinan orang Arab di Pulau Pinang” (Musa, 2011).

Kajian mengenai diaspora orang Cina di Tanah Melayu, termasuk di Malaysia telah dijalankan oleh Purcell. Kajian Purcell cukup komprehensif, iaitu mendedahkan mengenai sejarah awal migrasi orang Cina ke Tanah Melayu, agama mereka, masalah sosial, politik, dan ekonomi mereka di negeri tempatan. Isu-isu mengenai kewujudan orang Cina dalam zaman perang dan selepas pendudukan Jepun telah diterangkan di dalam kajian ini. Oleh kerana kajian ini bertumpu pada aspek pesejarahan, maka kajiannya terhad kepada isu atau kes sehingga tahun 1946 (Purcell, 1997).

Selain komuniti Islam (Melayu) dan Cina, diaspora orang India di Malaysia juga suatu perkara penting yang perlu dikaji. Oleh itu, Yusoff & Aziz telah berjaya menghimpun 11 buah artikel menjadi sebuah buku. Artikel-artikel dalam buku tersebut mengkaji mengenai kewujudan masyarakat India Muslim di Pulau Pinang dalam pelbagai perspektif (Yusoff & Aziz, 2010).

Berkaitan dengan asal usul kedatangan bangsa India secara am ke Malaysia telah pula didedahkan oleh Anbalakan. Dalam buku tersebut, Anbalakan menerangkan mengenai dinamika kehidupan orang India di Malaysia, antaranya mengenai kemunculan semangat keindiaan, pergolakan dalam masyarakat India, identiti buruh India selepas Perang Dunia ke-2, peranan mereka dalam bidang politik, dan kondisi pembangunan ekonomi mereka (Anbalakan, 2008).

Sebuah penyelidikan mengenai diaspora orang Rohingya di Malaysia telah dijalankan oleh Suan. Kajian ini bertumpu pada pengalaman kehidupan harian orang Rohingya yang menetap di Malaysia, mencakupi aspek ekonomi, kesihatan, pendidikan, dokumen dan keselamatan. Hasil penyelidikan mendapati bahawa orang Rohingya di Malaysia belum lagi memperolehi status sosial yang pasti. Perkara ini boleh mendatangkan kesan mendalam dalam kehidupan harian mereka. Perjuangan hidup mereka teramat keras sebagai kesan daripada persekitaran sosial yang penuh dengan unsur-unsur ketidakpastian (Suan, 2006).

Kajian khas mengenai diaspora masyarakat Indonesia ke sebuah wilayah di Malaysia telah dilakukan oleh para pakar dan sarjana. Antara mereka adalah Tamrin, yang telah menjalankan kajian antara tahun 1973-1976 mengenai kehidupan orang Jawa di Selangor. Kajian yang dilakukan Tamrin ialah berasaskan pada pensejarahan. Ianya telah bertumpu pada migrasi dan penempatan orang Jawa di Selangor antara tahun 1880-1940 (Tamrin, 1987).

Kajian lain mengenai diaspora penduduk Indonesia ke Malaysia dilakukan oleh Kesuma. Beliau membuat penyelidikan mengenai migrasi orang Bugis ke Johor. Penyelidikan ini telah dilakukan sejak tahun 1988, tetapi hasilnya diterbitkan dalam tahun 2004. Seperti penyelidikan yang dilakukan Tamrin, penyelidikan Kesuma juga tertumpu pada aspek pensejarahan. Objektif utama kajian ialah untuk meneliti kehadiran seorang tokoh yang bernama Opu Daeng Rilakka di Johor Malaysia pada abad XVII (Kesuma, 2004).

Sebuah penyelidikan lain mengenai diaspora dan pola migrasi masyarakat Minangkabau dan kehidupan mereka di daerah perantauan juga telah dijalankan. Dalam penyelidikan itu, penyelidik memperkenalkan istilah “merantau” sebagai sebuah pola migrasi yang khas berlaku dalam masyarakat Minangkabau (Naim, 1979).

Penyelidikan atau kajian yang khas mengenai diaspora orang Aceh di Malaysia belum banyak dilakukan. Oleh itu, dokumen bertulis mengenai isu ini tidak banyak ditemui. Hal ini selaras dengan pernyataan Missbach (2012) apabila melakukan penyelidikan mengenai diaspora Aceh semasa penulisan tesis beliau dalam peringkat doktoral. Walaupun begitu, beberapa orang penyelidik dan sarjana telah melakukan kajian dan penyelidikan mengenai kewujudan orang Aceh di Malaysia. Antara mereka adalah Wong & Afrisal yang mendedahkan mengenai penghijrahan orang Aceh ke Malaysia. Kajian Wong dan Afrisal tertumpu kepada kehidupan komuniti diaspora Aceh di Malaysia semasa Aceh terbabit dalam konflik bersenjata dan peperangan. Konflik ini berlaku akibat daripada pertembungan politik antara pihak Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan pihak Pemerintah Indonesia (Wong & Afrisal, 2002).

Penyelidikan yang lain mengenai kewujudan komuniti diaspora Aceh di Malaysia telah dilakukan oleh Nah & Bunnell. Berbeza dengan kajian Wong & Afrisal terdahulu, fokus utama kajian Nah & Bunnell ialah khas mengenai pelbagai cabaran yang dihadapi oleh para pelarian daripada Aceh yang mencari perlindungan di Malaysia. Ramai antara mereka yang datang ke Malaysia tanpa dilengkapi dengan dokumen rasmi dan izin tinggal. Kedatangan mereka ialah untuk mengelak daripada keganasan politik di Aceh (Nah & Bunnell, 2005).

Kajian mutakhir dan lebih luas mengenai komuniti diaspora Aceh telah dilakukan oleh Missbach (2012). Berbeza dengan kajian-kajian sebelumnya, Missbach lebih mengambil fokus kepada politik jarak jauh yang dimainkan oleh komuniti diaspora Aceh yang tersebar di pelbagai negara, termasuk Malaysia. Dalam kajiannya, Missbach mendedahkan mengenai sejarah ringkas diaspora Aceh sebelum konflik yang terakhir terjadi. Kehidupan dan kondisi-kondisi khas yang dialami oleh komuniti diaspora Aceh di Malaysia turut diuraikan. Bahagian terbesar yang dibincangkan oleh Missbach dan menjadi isu utama penyelidikannya ialah mengenai tempat-tempat yang menjadi pusat aktiviti diaspora Aceh semasa konflik dan sumbangan mereka dalam aktiviti yang menyokong atau mencari pemecahan secara damai terhadap konflik politik di Aceh.

Mengikut pelbagai penyelidikan dan kajian mengenai migrasi dan diaspora masyarakat Aceh di Malaysia di atas, tampak jelas bahawa belum ada sebuah kajian atau penyelidikan yang khas dan komprehensif mengenai kewujudan dan diaspora masyarakat Aceh dan keturunan mereka di Kampung Aceh, Yan Kedah. Oleh itu, kajian ini akan mengisi ruang kosong tersebut, sehingga mendapat maklumat yang jelas mengenai perkara yang telah dinyatakan itu.

## **1.8 Kerangka Konseptual**

Dalam kajian ini, ada dua kerangka konseptual utama yang digunakan dan dipandang perlu dijelaskan lebih terperinci. Hal ini dimaksudkan untuk menghindari kesalahpahaman ke atas konsep itu. Kedua-dua konseptual yang dimaksud ialah diaspora dan kebudayaan.

### **1.8.1 Diaspora**

Konsep diaspora pada mulanya muncul untuk menggambarkan penyebaran kaum Yahudi dari “tanahair” mereka dan hidup dalam buangan di luar Jerussalem. Diaspora Yahudi ini mula berlaku ketika Raja Nebuchadnezzar memusnahkan kuil Solomon di Jerussalem pada tahun 586 SM. Tindakan ini menyebabkan kaum Yahudi meninggalkan Jerussalem dan berkembang ke Babilon (Braziel, 2008).

Pengalaman migrasi kaum Yahudi ini menjadi perkara yang lebih kompleks daripada tradisi-tradisi bencana penghijrahan yang lain. Oleh itu, konsep diaspora berkembang sebagai sebuah fenomena migrasi yang merangkumi semua ungkapan, seperti dosa, pergerakan orang, migrasi ke luar negara, dan kemungkinan bertaubat serta kembali ke tanahair. Selama berabad-abad, istilah diaspora kebanyakannya diandaikan dengan makna negatif yang digunakan untuk menggambarkan pelbagai bentuk kesusahan yang berlaku dalam sebuah kumpulan penghijrah (Cohen, 2008; Tölölyan, 1996; Vertovec, 1997).

Pada asasnya, diaspora boleh berlaku apabila suatu kumpulan minoriti masyarakat hidup di sebuah wilayah yang asing atau di luar tanah airnya (Connor, 1986). Definisi yang sangat luas seperti ini telah mendorong Paul Gilroy menyatakan pengertian diaspora yang lebih terhad. Menurut Gilroy, tidak semua komuniti yang bermigrasi atau hidup di luar negaranya boleh dinamakan diaspora.

Oleh itu, Gilroy mendefinisikan diaspora sebagai kumpulan orang yang tersebar dalam proses perpindahan bukan sukarela. Ia biasanya dicipta oleh keganasan atau di bawah ancaman keganasan atau kematian (Gilroy, 1997). Kesedaran diaspora menonjolkan ketegangan antara ikatan yang dicipta oleh asal-usul bersama dan hubungan lain yang timbul daripada proses penyebaran dan kewajipan untuk mengingat kehidupan sebelum berlakunya perpindahan (Temple, 1999).

Selaras dengan perkembangan pelbagai kes yang berlaku dalam migrasi antarabangsa, erti diaspora turut pula mengalami perkembangan. William Safran (1999) menyatakan bahawa dalam beberapa tahun yang lalu, istilah diaspora telah digunakan untuk menerangkan kumpulan minoriti yang meninggalkan negeri mereka untuk menetap di negara lain. Pendapat yang sama diberikan oleh Gabriel Sheffer, tetapi beliau memberi catatan tambahan bahawa kumpulan yang bermigrasi itu masih memiliki pautan sentimental yang kuat kepada negeri asal mereka (Brinkerhoff, 2009; Randathani, 2011).

Selain itu, Cohen (2008) menghuraikan bahawa dalam masa kolonialisme, diaspora boleh merangkumi pelbagai pergerakan manusia, seperti perpindahan jumlah besar hamba Afrika ke tanah jajahan Inggeris. Setelah masa perhambaan berakhir, tetapi permintaan pekerja masih lagi berterusan, maka banyak orang yang berasal dari kawasan miskin di India, Cina, dan Afrika berhijrah dari negaranya untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di negara-negara jajahan Inggeris itu.

Dalam dunia akademik, erti daripada istilah diaspora telah diperdebatkan secara luas sejak ia masyhur di dunia akademik dan menjadi wacana polisi yang mulai berkembang pesat pada akhir tahun 1960 (Gamlen, 2008). Pada mulanya, kajian diaspora secara amnya dilakukan berasaskan kepada perspektif sosiologis dan antropologis (Ionescu, 2006). Dalam perkembangannya kemudian, kajian diaspora

juga telah menjadi objek kajian daripada pelbagai bidang ilmu yang lain, seperti ilmu politik, ekonomi, dan hubungan internasional (Levitt & Nyberg-Sørensen, 2004).

Berbeza dengan Gamlen (2008) yang melihat kajian diaspora berkembang pesat pada akhir 1960, menurut Missbach (2012) hingga tahun 1970-an, konsep atau istilah diaspora hanya digunakan untuk menerangkan migrasi Yahudi dan lain-lain kumpulan yang sudah menyebar semasa zaman kuno, seperti Armenia dan Yunani. Mengikut perkembangan masa, minat kepada kajian diaspora terus saja mengalami kenaikan. Semenjak tahun 1990-an, kajian diaspora berkembang dengan cepat di pelbagai bahagian dunia. Hal ini selari dengan perkembangan komuniti diaspora yang muncul sebagai akibat gelombang migrasi di seluruh dunia. Selain itu juga disebabkan oleh peranan penting komuniti diaspora dalam politik global.

Bagaimanapun, sejak masa mula kemunculannya, konsep diaspora telah mengalami perkembangan yang pesat. Menurut Vertovec (1997), dalam pelbagai subjek akademik, konsep diaspora setidaknya mengandung tiga makna, iaitu: sebagai bentuk sosial, sebagai jenis kesedaran, dan sebagai mod pengeluaran kebudayaan.

Diaspora sebagai bentuk sosial cenderung difahami sebagai situasi negatif yang dikaitkan dengan anjakan paksa, penganiayaan, dan pengasingan. Sehingga orang yang berpindah memiliki kehendak untuk kembali ke tanahair mereka. Apa yang berlaku ke atas kaum Yahudi dapat dikatakan sebagai diaspora sosial yang am dan dapat disusun daripada pelbagai kerja deskriptif dan teori. Diaspora seperti ini memiliki ciri-ciri: (1) hubungan sosial yang dikukuhkan lagi oleh hubungan yang istimewa kepada sejarah dan geografi; (2) ketegangan orientasi politik yang disebabkan oleh kesetiaan yang terbahagi daripada kewujudan di dalam orang yang mengalami diaspora, iaitu kesetiaan kepada tanahair mereka dan kepada negara yang



dihuni; (3) strategi ekonomi kumpulan transnasional mewakili sumber penting yang baru dan berkat kuasa dalam pengurusan kewangan dan perdagangan antarabangsa.

Diaspora sebagai jenis kesedaran mengandungi makna wujudnya jenis kesedaran tertentu dalam kalangan masyarakat transnasional kontemporari. Ciri khasnya dikenali melalui munculnya dua kesedaran ke atas tanahair mereka. Dalam sisi negatif, ia ditubuhkan oleh pengalaman diskriminasi dan pengasingan, manakala sisi positif dikenali dengan warisan sejarah atau dunia budaya kontemporari atau kuasa politik. Adapun diaspora sebagai mod pengeluaran kebudayaan digambarkan sebagai sebuah proses yang melibatkan pengeluaran dan pengeluaran semula fenomena sosial dan budaya transnasional.

Untuk mengenali berlakunya diaspora dalam sebuah masyarakat, dapat dilihat melalui ciri-ciri diaspora yang wujud dalam masyarakat itu. Ciri-ciri am diaspora adalah: pertama, penyebaran orang dari tanahair mereka kepada dua atau lebih wilayah asing; kedua, kewujudan memori, wawasan atau mitos kolektif mengenai tanahair, mencakupi lokasi, sejarah, dan pencapaian-pencapaian yang telah berlaku; ketiga, wujudnya suatu kepercayaan dalam kalangan komuniti diaspora bahawa mereka bukan dan berharap tidak boleh diterima secara penuh oleh masyarakat daripada wilayah yang ditempati; keempat, wujudnya anggapan mengenai kebenaran tanahair nenek moyang, rumah yang ideal, dan tempat tinggal bagi masa depan keturunan mereka apabila mereka kembali pulang; kelima, komuniti diaspora percaya bahawa mereka secara kolektif akan diikutsertakan untuk pemeliharaan atau pemulihan tanahair mereka dan juga untuk keselamatan dan kemakmurannya; dan keenam, membina hubungan dengan tanahair dengan berbagai cara, sama ada dengan cara mengunjungi sendiri mahupun mewakilkan kepada orang lain. Kesedaran dan

solidariti kepada kaum etnik adalah penting bagi memastikan kewujudan mereka dalam hubungan-hubungan tersebut (Safran, 1991).

Dalam perkembangan seterusnya, para pengkaji telah membahagi pelbagai mod diaspora, sebagaimana yang dilakukan oleh Cohen (2008). Menurutnya, diaspora dapat dikelompokkan ke dalam lima jenis, iaitu: *victim diaspora*, *labour diaspora*, *imperial diaspora*, *trade diaspora*, dan *detrterritorialized diaspora*.

*Victim diaspora* adalah diaspora yang berlaku kerana terpaksa. Diaspora ini biasanya menimpa banyak kumpulan pelarian kontemporari. Mereka punya masa yang cukup untuk memikirkan apakah akan kembali ke tanahair, berasimilasi dengan masyarakat tempatan, atau terus bergerak. Cohen memasukkan pengalaman migrasi orang Yahudi, Afrika, dan Armenia ke dalam diaspora jenis ini.

*Labour diaspora* berlaku ke atas orang atau kumpulan yang dikerahkan melakukan migrasi ke negara lain sebagai buruh kerahan untuk memenuhi kekurangan buruh di negara tujuan. Antara contoh kes yang ditunjukkan Cohen kepada diaspora jenis ini ialah migrasi pekerja kerahan India untuk bekerja di perkebunan tropika di negara Inggeris, Belanda, dan Perancis dalam masa tahun 1830 hingga sekitar tahun 1920.

Diaspora yang berlaku kerana migrasi yang dilakukan suatu kumpulan orang ke suatu daerah atau negara lain dengan maksud menduduki negeri yang didatangi untuk menjajahnya disebut *imperial diaspora*. Contoh diaspora seperti ini ialah migrasi bangsa Inggeris ke banyak negara di dunia. Akan tetapi, jika diaspora berlaku kerana migrasi yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang yang cukup profesional dan memiliki kemahiran untuk menjalankan perdagangan di negara tujuan, maka diaspora seperti ini dikenal sebagai *trade diaspora*. Cohen menunjukkan contoh diaspora ini sebagaimana migrasi para pedagang Cina ke

negara-negara jajahan Eropah di Asia Tenggara. Contoh lain lagi ialah migrasi para pedagang India ke Afrika Timur.

*Deterritorialized diaspora* berlaku apabila migrasi sekumpulan orang yang tidak memiliki kemahiran hidup ke sebuah wilayah atau negara lain. Mereka datang untuk mencari keuntungan di negara tujuan, tetapi mereka tidak memiliki kemahiran yang secukupnya. Contoh diaspora seperti ini ditunjukkan oleh orang Caribbean yang bermigrasi ke Amerika dan negara-negara Eropah. Dalam konteks ini, kebanyakan orang Caribbean yang dimaksudkan ialah bekas hamba-hamba Afrika dan buruh-buruh kerahan India yang tidak mahu kembali ke negara asalnya. Mereka tinggal di Caribbean dan kemudian melakukan migrasi ke negara-negara Eropah dan Amerika.

Mengikut Cohen, kelima jenis diaspora di atas bukanlah pilihan dari para penghijrah yang melakukan migrasi. Keadaan kehidupan penghijrah di negeri tujuan yang akan menentukan jenis diaspora yang bersesuaian dengan diri mereka.

Sebagai telah dinyatakan sebelumnya bahawa konsep diaspora terus saja mengalami perkembangan dan perluasan makna dari masa ke masa. Hal ini tampak dari beberapa definisi baru yang digunakan untuk menerangkan makna diaspora. Antara definisi baru itu dinyatakan oleh Ionescu (2006), yang memberi pengertian diaspora lebih luas. Menurut beliau, istilah diaspora merujuk kepada kelompok-kelompok asing yang—berbeza dengan pendatang—berlaku untuk kumpulan asing di luar negara dan generasi yang lahir di luar negara daripada ibu bapa asing yang sedang atau mungkin menjadi warganegara tempat mereka tinggal.

Generasi keturunan daripada penghijrah yang telah menjadi warganegara tujuan tetap saja dapat dinamakan komuniti diaspora. Shuval menyatakan bahawa bila setelah beberapa generasi berlalu, perasaan sebagai diaspora dapat muncul

kembali dalam kalangan orang yang tidak lagi berstatus sebagai penghijrah. Ianya muncul sebagai tanggapan terhadap perkara-perkara yang berlaku yang berhubungkait dengan tiga aspek, iaitu kumpulan itu sendiri, masyarakat di negara tempatan, dan tanah leluhur mereka (Shuval, 2000).

Apabila merujuk kepada gagasan diaspora yang dinyatakan oleh Ionescu dan Shuval, maka orang keturunan Aceh yang bermastautin di Yan Kedah mestilah boleh dikelompokkan sebagai kumpulan diaspora. Meskipun begitu, diaspora yang dikaji dalam tesis ini bukanlah diaspora secara fisik, tetapi lebih fokus lagi kepada diaspora kebudayaan. Ini bermakna bahawa kajian ini lebih bertumpu kepada peranan komuniti diaspora Aceh di Yan, sama ada dalam melestarikan budaya negeri asal mereka mahupun dalam mengembangkan kebudayaan Aceh di tanah tempatan, sehinggalah kepada integrasi kebudayaan Aceh dengan kebudayaan tempatan.

### **1.8.2 Kebudayaan**

Suatu perspektif antropologi menurut minat luas para antropologis ialah mengenai masyarakat dan kebudayaan (Saifuddin, 2005). Masyarakat dan kebudayaan ialah dua perkara yang tidak dapat diceraikan. Masyarakat menciptakan kebudayaan, manakala kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat boleh menjadi sebuah identiti sosial dan ciri khas daripada masyarakat itu. “Apa yang orang-orang lakukan, bagaimana mereka bertindak, bagaimana mereka hidup dan berkomunikasi, merupakan respons-respons terhadap dan fungsi-fungsi dari budaya mereka.” (Porter & Samovar, 2001).

### **1.8.2.(a) Pengertian dan Wujud Kebudayaan**

Konsep kebudayaan untuk pertama kali dikembangkan oleh para antropologis menjelang akhir abad ke-19. Pengertian kebudayaan yang pertama kali dinyatakan pada tahun 1871 oleh antropologis Inggris, Edward B. Tylor. Menurut beliau, kebudayaan ialah kompleks keseluruhan yang merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, hukum, moral, kebiasaan, dan lain-lain kecekapan yang diperolehi manusia sebagai ahli masyarakat (Haviland, 2002).

Setelah Tylor, banyak lagi definisi kebudayaan yang diberikan oleh para sarjana dan penyelidik. Pada tahun 1952, A.L. Kroeber dan C. Kluckhohn telah menerbitkan sebuah buku yang berisi 160 buah definisi kebudayaan yang telah dinyatakan orang dalam tulisan-tulisan mereka. Oleh itu, untuk memudahkan pemahaman mengenai erti kebudayaan, pada tahun 1959, J.J. Honigmann telah menerbitkan sebuah buku yang antaranya berisikan tiga wujud kebudayaan (Koentjaraningrat, 1990). Ketiga-tiga wujud kebudayaan itu ialah:

1. Wujud kebudayaan sebagai suatu kompleks daripada idea, nilai-nilai, norma-norma, peraturan, dan sebagainya;
2. Wujud kebudayaan sebagai suatu kompleks aktiviti dan tindakan beraturan manusia dalam masyarakat;
3. Wujud kebudayaan sebagai benda-benda hasil kerjaya manusia.

Wujud kebudayaan yang pertama dan kedua di atas dapat digolongkan ke dalam jenis kebudayaan bukan material, manakala wujud kebudayaan yang ketiga merupakan kebudayaan material.

### **1.8.2.(b) Karakteristik Kebudayaan**

Para pakar antropologi telah berjaya memperolehi pengertian mengenai karakteristik yang utama yang dimiliki bersama oleh semua kebudayaan. Karakteristik itu ialah: (1) kebudayaan ialah milik bersama; (2) kebudayaan ialah hasil belajar; (3) kebudayaan diasaskan pada lambang (Haviland, 2002).

#### **1.8.2.(b).(i) Kebudayaan ialah milik bersama**

Kebudayaan ialah gaya hidup unik suatu kelompok manusia tertentu. Oleh itu, budaya bukanlah sesuatu yang dimiliki oleh sebahagian orang, tetapi ia dimiliki oleh seluruh manusia. Walaupun begitu, kerana ia bersifat unik, maka terciptalah perbezaan antarabudaya satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Perbezaan ini pada mulanya akan tampak bercanggah, namun ia akan menjadi perkara biasa bila tiap-tiap pemilik kebudayaan memahami kewujudan perbedayaan itu. Oleh itu, untuk memudahkan hubungan antarabudaya dan mengurangi kesalahfahaman, orang harus keluar dari kurungan budaya sendiri untuk memasuki dunia orang lain (Harris & Moran, 2001).

Oleh kerana kebudayaan milik bersama, ia menyebabkan tindakan para individu boleh difahami oleh kumpulannya. Selain itu, dalam keadaan tertentu, seseorang dapat meramalkan tindakan orang lain dan kemudian mengambil tindakan yang bersesuaian (Haviland, 2002).

#### **1.8.2.(b).(ii) Kebudayaan ialah hasil belajar**

Kebudayaan yang diciptakan manusia tidak hanya berfungsi sebagai suatu tata cara penyesuaian diri ke atas persekitaran biologis dan geofizik sahaja, tetapi juga sebagai suatu alat yang memberi sumbangan kepada evolusi sosial mereka.

Apabila seorang manusia dilahirkan, turut pula bersamanya nilai-nilai budaya persekitarannya yang diwariskan secara turun-temurun oleh pendahulunya. Persekitaran geofizik tempat manusia dilahirkan dan dibesarkan akan mempengaruhi perilakunya. Begitu pula institusi-institusi sosial, seperti rumah, sekolah, tempat ibadah, dan lain-lain lagi, akan memberikan konteks budaya yang mempengaruhi perilaku seorang manusia (Harris & Moran, 2001).

Meskipun begitu, kebudayaan tidak dibina hanya berasaskan warisan. Sebagai suatu aspek kehidupan yang penting, kebudayaan harus dipelajari. Setiap orang mempelajari kebudayaannya dengan cara hidup bersama-sama di dalam masyarakatnya. Proses untuk meneruskan kebudayaan dari satu generasi kepada generasi lainnya disebut sebagai enkulturasi (Taib, 1985).

### **1.8.2.(c).(iii) Kebudayaan diasaskan pada lambang**

Leslie White menyatakan bahawa semua perilaku manusia bermula daripada penggunaan lambang. Seni, agama, dan uang memerlukan pemakaian lambang. Aspek lambang yang terpenting daripada kebudayaan ialah bahasa, sebab ia digunakan untuk menggantikan benda-benda dengan kata-kata. Dengan menggunakan bahasa, manusia dapat meneruskan kebudayaan dari satu generasi kepada generasi yang lain (Haviland, 2002).

## **1.9 Kerangka Teori**

Pada waktu seorang atau sekumpulan orang berpindah dari satu persekitaran budaya kepada persekitaran budaya yang lain, mereka mengalami proses sosial budaya yang boleh mempengaruhi mod penyesuaian dan pembentukan identitinya (Appadurai, 1994).

Perbezaan budaya boleh pula menciptakan perbezaan dalam aspek-aspek sosial yang lain, misalnya dalam penggunaan bahasa untuk menyatakan suatu konsep tertentu (Adair & Brett, 2004). Apabila perbezaan antara budaya itu tidak dipelajari dan difahami dengan baik, maka ianya boleh menimbulkan kesulitan bagi kedua kumpulan budaya (Porter & Samovar, 2001). Oleh itu, masyarakat pendatang yang memiliki kebudayaan berbeza dengan kebudayaan masyarakat tujuan diharuskan melakukan penyesuaian kebudayaan dengan persekitaran budaya baru demi mempertahankan kewujudan kehidupan sosial mereka (Abdullah, 2010; Usman, 2009).

Proses penyesuaian kebudayaan tersebut boleh mencakupi penyesuaian nilai dan norma mahupun amalan kebudayaan dalam kehidupan bersama. Meski tidak memiliki daya paksaan, kebudayaan masyarakat tempatan tetap saja memiliki kekuatan dan boleh menjadi mod bagi kumpulan pendatang dalam bertingkah laku di persekitaran mereka yang baru.


Selain itu, proses penyesuaian kebudayaan boleh menyebabkan wujudnya dua aspek percanggahan. Pada satu pihak, kumpulan pendatang diharuskan untuk sentiasa melakukan penyesuaian diri sehinggakan mereka boleh menjadi sebahagian daripada sistem sosial yang lebih luas. Di pihak lain, kumpulan pendatang juga mengalami kesukaran untuk meninggalkan identiti asal mereka sebagai sebahagian daripada sejarah kehidupan diri dan kumpulannya. Lebih daripada itu, kebudayaan asal cenderung pula dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan sosial di daerah yang baru (Abdullah, 2010; Appadurai, 1994).

Percanggahan yang disebabkan oleh perbezaan budaya antara pendatang dan masyarakat tempatan akan menjadi perkara biasa bila tiap-tiap pemilik kebudayaan memahami kewujudan perbezaan-perbedazaan itu. Oleh itu, untuk memudahkan



hubungan-hubungan antara budaya dan mengurangi kesalahfahaman, setiap orang harus keluar dari kurungan budaya sendiri untuk memasuki dunia orang lain (Harris & Moran, 2001).

Rajah 1.1 di bawah menerangkan proses penyesuaian kebudayaan di antara kumpulan pendatang dan kumpulan tuanrumah.



**Rajah 1.1.** Proses penyesuaian budaya

Rajah 1.1 di atas menunjukkan apabila kebudayaan kumpulan pendatang terjumpa dengan kebudayaan tuanrumah dalam satu persekitaran, maka ianya boleh menimbulkan proses penyesuaian bagi kedua-dua kebudayaan kumpulan itu. Proses penyesuaian kebudayaan ini menciptakan satu mod budaya campuran yang boleh

difahami dan disetujui oleh kedua-kedua kumpulan budaya. Lazimnya, unsur-unsur kebudayaan tuanrumah memiliki peluang dan bahagian yang lebih besar dalam kebudayaan campuran yang timbul sebagai kesan daripada proses penyesuaian kebudayaan. Jika kebudayaan pendatang banyak mengandungi persamaan dengan kebudayaan tuanrumah, seperti budaya etnik Aceh dan budaya Melayu di Malaysia, maka budaya campuran yang terbentuk biasanya hanya mencakupi unsur-unsur kebudayaan tertentu sahaja, seperti nilai, norma, dan amalan harian.

Kebudayaan yang diciptakan manusia tidak hanya berfungsi sebagai suatu tata cara penyesuaian diri ke atas persekitaran biologis dan geofizik, tetapi juga sebagai suatu alat yang memberi sumbangan kepada evolusi sosial mereka. Apabila seorang manusia dilahirkan, turut pula bersamanya nilai-nilai budaya persekitarannya yang diwariskan secara turun-temurun oleh pendahulunya. Persekitaran geofizik tempat manusia dilahirkan dan dibesarkan akan mempengaruhi perilakunya. Begitu pula institusi-institusi sosial, seperti rumah, sekolah, tempat ibadah, dan lain-lain lagi, akan memberikan konteks budaya yang mempengaruhi perilaku seorang manusia (Harris & Moran, 2001).

Oleh itu, ketika seorang atau kumpulan orang hidup bersama-sama dalam masyarakat lain, mereka sepatutnya melakukan penyesuaian kebudayaan. Proses penyesuaian kebudayaan mengharuskan individu yang terlibat untuk mempelajari kebudayaan tersebut bagi memperoleh semua hal yang boleh membuat ia hidup dalam persekitaran budaya yang lain (Gudykunst & Kim, 1992).

Dalam konteks diaspora, penyesuaian kebudayaan terutamanya dilakukan oleh kumpulan pendatang terhadap budaya asing di daerah tujuan. Hal ini boleh menyebabkan munculnya konfigurasi budaya baru. Menurut Abdullah (2010), konfigurasi budaya tersebut boleh pula mewujudkan tiga proses sosial yang lain.

Pertama, tercipta kumpulan masyarakat baru yang terdiri daripada individu-individu yang berbeza. Kumpulan baru ini akan membentuk hubungan-hubungan sosial baru pula di antara masyarakat pendatang dan tuanrumah. Kedua, terjadi pentakrifan semula sejarah kehidupan seorang ahli kumpulan sebagai akibat dari kewujudan tahap kehidupan baru. Ketiga, terwujud proses pemberian makna baru bagi diri seorang ahli kumpulan yang boleh menyebabkan ia mentakrifkan kembali identiti budaya dirinya dan asal-muasalnya.

Dengan demikian, penyesuaian kebudayaan boleh mengarah kepada pengeluaran semula kebudayaan. Pengeluaran semula kebudayaan merupakan suatu proses penegasan identiti budaya asal yang dilakukan oleh pendatang (Abdullah, 2010). Asimilasi dan akulturasi merupakan antara mod penyesuaian kebudayaan yang dapat membawa kepada pengeluaran semula kebudayaan. Jika kumpulan pendatang telah mencapai kedudukan mengakui dirinya sebagai sebahagian daripada ahli masyarakat tempatan, maka proses belajar atau penyesuaian kebudayaan boleh dilakukan dengan cara enkulturasi, iaitu proses meneruskan kebudayaan dari satu generasi kepada generasi lainnya (Taib, 1985).

Dalam kes kumpulan diaspora yang telah menjadi warganegara yang didatangi, setelah melalui proses penyesuaian budaya, mereka pula diharuskan melakukan rundingan kebudayaan dengan warganegara pribumi. Rundingan kebudayaan boleh dimaknai sebagai interaksi transaksional dimana individu-individu dalam situasi yang berbeza budaya berusaha menetapkan, memaknai, mengubah, menantang atau menyokong, sama ada identitinya sendiri mahupun identiti orang lain (Gudykunst, 2005).

Rundingan kebudayaan perlu dilakukan oleh komuniti diaspora, kerana seperti dinyatakan oleh para pakar bahawa meskipun komuniti diaspora telah